

Punca kegagalan peniaga Bumiputera

Besar cita-cita

BM 17 NOV 1991

daripada modal

Oleh AZHAR ABU SAMAH dan
MOHD SHAH ABDULLAH

KUALA LUMPUR: Kegagalan Bumiputera dalam bidang perniagaan bukan disebabkan oleh masalah modal, sebaliknya kerana mereka memiliki cita-cita lebih besar daripada modal yang dimiliki, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, anggapan kononnya masalah perniagaan yang dihadapi oleh Bumiputera berpunca daripada modal adalah tidak tepat kerana kerajaan sudah membekalkan mereka dengan modal yang cukup.

"Walaupun mereka kita bekalkan dengan modal yang cukup, namun kejayaan sukar dijamin. Sebenarnya, wujud ketidakseimbangan di antara keupayaan dan kehendak hati Bumiputera, menyebabkan mereka gagal," katanya ketika melancarkan perayaan 25 tahun Mara di sini, semalam.

Sehubungan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Bumiputera tidak harus lagi mempraktikkan pepatah Melayu 'niat hati nak peluk gunung, apakan dayatangan tak sampai' kerana "kalau mereka selalunya memilih gunung un-

tuk dipeluk, sudah pasti hasrat mereka tidak akan tercapai".

Beliau memberi contoh seseorang peniaga yang memiliki modal yang hanya cukup untuk menjual kacang putih, tidak harus membuka perniagaan menjual kereta Proton Saga kerana mereka akan menghadapi masalah modal.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka yang sudah cukup modal untuk membuka perniagaan kereta juga tidak harus berfikir untuk menjual kapal terbang.

"Lisesehan tiada persamaan antara keupayaan dan kehendak hati kitalah menyebabkan kita sering mendengar orang Melayu kata mereka memerlukan modal. Kalau ada modal, segalanya akan selesai," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir disebabkan modal, orang Melayu membuat pinjaman yang nilainya terlalu besar, kononnya dengan wang itu mereka akan mendapat keuntungan besar dan mampu membayar balik pinjamannya dan faedah yang dikenakan.

Malangnya, kata beliau, pinjaman yang dibuat tanpa diimbangi modal sendiri itu tidak mencapai matlamat yang dirancang hingga menyebabkan mereka tidak dapat membayar balik pinjaman.

Keadaan itu akhirnya melahirkan seorang Melayu yang penuh dengan beban hutang sedangkan pada akhirnya dia mempunyai modal dan tidak berhutang dengan sesiapa.

"Keadaan seperti ini bermakna kita bukan mencapai satu langkah ke hadapan, sebaliknya

LIHAT MUKA 2

Peniaga perlu teliti rancang projek

DARI MUKA 1

17 NOV 1991
...a kila mengambil dua
langkah ke belakang,
katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kesilapan perhitungan dan membuat perancangan yang cetek serta tidak teliti tanpa mengira masalah yang bakal dihadapi, menyebabkan orang Yang tidak mempunyai masalah sebelum ini menjadi orang yang bermasalah.

Menurut Perdana Menteri, bidang perniagaan memerlukan kecekapan dan kemahiran yang hanya boleh diperolehi melalui pengalaman dan pengetahuan.

Pengetahuan mengenai perniagaan boleh diberi kepada semua yang berminat tetapi ia belum mencukupi untuk melengkapkan seseorang itu dengan kebolehan untuk berniaga.

Sebagai contoh, katanya, seseorang yang dilatih dalam pengurusan perlu bekerja terlebih dahulu untuk menimba pengalaman sebelum menceburi secara serius dalam perniagaan.